

PERNIAGAAN INFORMAL DI PUSAT BANDAR BATU GAJAH, PERAK

Oleh

**NUR ATIKA SYAZILA BINTI MUDA
MIMI ROZAIDA BINTI MOHAMED RODUAN**

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR**

OKTOBER 2010

ABSTRAK

Kajian Perniagaan Informal Di Pusat Bandar Batu Gajah ini adalah untuk mengkaji perancangan lokasi dan keadaan perniagaan yang dijalankan. Perniagaan informal merupakan salah satu sektor yang penting kerana ianya merupakan antara penyumbang ekonomi bagi penduduk di Pusat Bandar Batu Gajah. Kajian ini dilakukan untuk mengatasi isu yang wujud di kawasan kajian antaranya ialah perletakan gerai atau penjaja yang kurang bersesuaian serta kurang strategik, keadaan gerai yang tidak seragam serta kelihatan telah usang dan aspek kebersihan, aktiviti dan susunatur yang tidak diselenggara dengan baik telah menjejaskan imej pusat bandar. Keadaan dan perletakan perniagaan informal ini merupakan aspek yang penting kerana ianya dapat memberi keselesaan kepada peniaga serta pengunjung, disamping dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Kajian perniagaan informal ini juga memberi penekanan kepada empat peringkat yang meliputi tujuan dan objektif kajian, kajian teoritikal dan diikuti dengan analisis kajiselidik serta penemuan. Kajian kajiselidik dilakukan dengan menggunakan tiga kaedah utama iaitu pengamatan ke atas kawasan kajian, soalselidik peniaga dan pengunjung serta temubual bersemuka ke atas pihak MDBG. Penemuan analisis kajian mendapati terdapat beberapa masalah antaranya ialah perletakan penjaja yang dan gerai yang tidak bersesuaian, imej dan pemandangan yang terjejas, keperluan penambahan tempat letak kenderaan (TLK) serta kemudahan. Cadangan-cadangan diusulkan bagi mengatasi masalah yang telah dikenalpasti iaitu pemusatan penjaja statik dan beredar, membaikpulih, pembagunan semula dan keseragaman gerai-gerai sediaada, penambahan tempat letak kenderaan dan penyediaan elemen kemudahan yang mencukupi. Kesimpulannya, pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu pihak dari Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) memainkan peranan yang penting untuk merealisasikan cadangan yang dikemukakan.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	v
Senarai Rajah	vi
Senarai Foto	viii
Senarai Lampiran	ix
Senarai Singkat Kata	ix

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	2
1.3	Matlamat Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Metodologi Kajian	6
1.7	Kaedah Kajian	9
	1.7.1 Data Primer	9
	1.7.2 Data Sekunder	10

BAB 2.0 PERNIAGAAN INFORMAL

2.1	Pengenalan	12
2.2	Perniagaan	12
2.3	Perniagaan Informal	15
	2.3.2 Penjaja	18
	2.3.2 Gerai	21
2.4	Ciri- Ciri Perniagaan Informal	23
2.5	Prinsip Perancangan Perniagaan Informal	25
2.6	Pengurusan Dan Penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	34
2.7	Syarat-Syarat Dan Garis Panduan Penjaja Statik Sementara	35
2.8	Rumusan	37

BAB 3.0 KAWASAN KAJIAN

3.1	Pengenalan	38
	3.1.1 Sejarah dan Latar Belakang Kawasan Kajian	43
	3.1.2 Batu Gajah Dalam Konteks Rancangan Tempatan	44
3.2	Lokasi Kawasan Kajian	45

3.3	Gunatanah Semasa	45
	3.3.1 Kawasan Perniagaan	46
	3.3.2 Kemudahan Sediada	46
	3.3.3 Kawasan Perumahan	48
	3.3.4 Kemudahsampaian dan Sirkulasi	49
3.4	Peniaga Informal di Pusat Bandar Batu Gajah	52
3.5	Gunatanah Sekitar	54
3.6	Isu dan Masalah di Kawasan Kajian	56
	3.6.1 Perletakan Gerai Atau Penjaja	56
	3.6.2 Rekabentuk Gerai Yang Tidak Seragam	57
	3.6.3 Menjejaskan Imej Pusat Bandar	57
3.7	Rumusan	58
BAB 4.0	ANALISIS KAJISELIDIK DAN PENEMUAN	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Kaedah Pengumpulan Maklumat	60
	4.2.1 Kaedah Pengamatan	60
	4.2.2 Kaedah Soalselidik	62
	4.2.3 Temubual	62
	4.2.4 Bilangan Sampel	63
4.3	Responden Pengunjung	65
4.4	Responden Peniaga	78
4.4	Temubual	102
4.5	Penemuan	105
4.6	Rumusan	108
BAB 5.0	CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	109
5.2	Pembentukan Cadangan	110
	5.2.1 Cadangan Pemusatan/Pengelompokan Penjaja Statik dan Beredar	110
	5.2.2 Cadangan Membaik Pulih, Pembangunan Semula dan Keseragaman Gerai-gerai Sediada	111
	5.2.3 Cadangan Penambahan Tempat Meletak Kenderaan	113
	5.2.4 Cadangan Penyediaan Elemen Kemudahan Yang Mencukupi	114
	5.1.5 Cadangan Memperbaiki Mutu Perniagaan	114
5.3	Kesimpulan	115

Senarai Rujukan

Lampiran

BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut Teng, et. al (1999), perniagaan merupakan semua kegiatan membeli dan menjual barangan dan perkhidmatan dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Dalam usaha untuk menjalankan kegiatan ini, perniagaan menjalankan proses pemindahan barangan pengeluar asal kepada pengguna terakhir. Pengguna terakhir bukan sahaja mendapat barangan itu tetapi pengiktirafan hak keatas barangan tersebut yang sah mengikut undang-undang. Perniagaan banyak memberi faedah kepada masyarakat. Aktiviti perniagaan juga dapat memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat dengan menyediakan pelbagai barangan dan perkhidmatan. Perniagaan juga akan mewujudkan peluang pekerjaan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat samada yang terdiri dari pelbagai latar belakang dan pendidikan.

Perniagaan informal di Pusat Bandar Batu Gajah lazimnya terletak di tepi jalan, di atas bahu jalan dan berhampiran dengan simpang utama. Oleh itu, kerjasama dan perhatian dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu dilaksanakan bagi menjamin sektor perniagaan informal terus berkembang pesat tanpa memberikan masalah dan menjejaskan imej pusat bandar tersebut.